



TEKS UCAPAN

**DATO' SRI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH

BAGI

**PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN HOSPITAL MIRI,
SARAWAK (REKA DAN BINA) - TENDER SEMULA**

**PADA 27 OKTOBER 2020 (SELASA)
DI PEJABAT TAPAK PROJEK HOSPITAL MIRI, SARAWAK
MASA: 10.30 PAGI**

PENDAHULUAN

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia NYA jua dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Miri, Sarawak pada hari ini. Projek ini dilaksanakan secara Reka dan Bina, Tender Semula dan perolehannya secara tender terbuka pra kelayakan.
2. Mewakili warga Kementerian Kerja Raya dan JKR Malaysia saya mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, bagi merasmikan Majlis Pecah Tanah Hospital Miri pada pagi yang bersejarah ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.
3. Untuk makluman semua yang hadir, Kementerian Kesihatan Malaysia adalah antara pelanggan utama kami. Terdapat tujuh puluh sembilan (79) projek hospital dan klinik kesihatan yang menggunakan rekabentuk Pre-Approved Plan (PAP) yang sedang dalam proses pembinaan. Daripada jumlah ini, empat puluh tiga (43) projek hospital dan Klinik Kesihatan PAP yang telah siap dan diserahkan kepada pelanggan dan enam puluh tiga (63) projek dalam pra pembinaan.
4. Pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia dan JKR khususnya akan terus komited memberikan yang terbaik demi ke arah kesejahteraan rakyat.

PENGENALAN PROJEK

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Miri ini telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) di bawah Rolling Plan 1 (RP1), Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) tahun 2016. Projek ini pada asalnya telah diterima secara rasmi pada 28 Mac 2016 melalui penerimaan Borang Permulaan Pelaksanaan Projek (BPPP) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Skop projek ini adalah membina Hospital 328 Katil dengan *SOA (Schedule of Accommodation)* terkini seluas 32,507 meter persegi untuk pembangunan Hospital Miri.

6. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, skop kontrak bagi projek ini melibatkan;
 - i. Kerja Awalan
 - ii. Kerja Piling
 - iii. Kerja Bangunan (Blok Hospital baharu dengan 328 katil, & *M&E Plant Room*)
 - iv. Kerja Mekanikal dan Elektrikal yang turut melibatkan:
 - a. *Mechanical Works (13 Services, Medical Equipments – Group 1)*
 - b. *Electrical Works (LV & ELV, Medical Equipments – Group 1) & ICT*
 - v. Kerja Luaran
 - vi. *Environmental & Energy Efficiency Works*
 - vii. *Loose Furniture*

- viii. Medical & Non-Medical Equipment Group 3 & 4 (Perolehan oleh KKM) dengan cadangan oleh *Medical Equipment Planner* yang telah dilantik oleh Kontraktor Utama
- ix. Kerja Provisional
- x. Kerja Penyenggaraan

APLIKASI SISTEM MyCREST DAN IBS DI DALAM PELAKSANAAN PROJEK

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

7. Untuk makluman semua saya telah meminta JKR dan CIDB supaya berganding bahu di bawah Kementerian Kerja Raya untuk menghasilkan satu sistem penarafan hijau bagi bangunan. Sistem tersebut dinamakan MyCREST (Malaysian Carbon Reduction And Environmental Sustainability Tool), sistem yang menintegrasikan impak kelestarian dengan indikator karbon di dalam sesebuah bangunan. Pembinaan projek Hospital Miri tidak terkecuali daripada pematuhan ini.
8. Bagi mempercepatkan tempoh pembinaan dan kebergantungan kepada tenaga pekerja, saya ingin memaklumkan bahawa projek Bangunan Tambahan Hospital Miri ini dibina dengan menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri atau IBS.
9. JKR Malaysia melalui jadual pelaksanaan projek amat komited dan telah menyerahkan Surat Setuju Terima kepada pihak kontraktor pada 11 Jun 2020 dan Tarikh Milik Tapak pada 25 Jun 2020 kepada pihak kontraktor. Selanjutnya, Mesyuarat Pra-Pembinaan telah dilaksanakan di peringkat Cawangan Kerja Kesihatan dan Pasukan Projek Khas 2, Ibu Pejabat JKR Malaysia yang dilantik untuk

melestarikan perancangan pelaksanaan pembinaan projek dengan semua *stakeholder* terlibat pada 23 Jun 2020.

10. JKR juga akan melaksanakan penyeliaan dan pemantauan secara menyeluruh secara sistematik melalui Sistem Kawal dan Lapar (SKALA) dan Sistem Pengurusan Bersepadu JKR yang melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015, Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP), ISO 45001:2018 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001:2015).
11. Akhir kata, saya mendoakan semoga segala usaha kita dipermudahkan oleh Allah S.W.T dan semoga projek ini dapat disiapkan mengikut jadual, kos dan standard yang telah ditetapkan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh